

Headline	Syarikat utiliti mesti manfaat teknologi sesuai		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	26 Oct 2017	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	125,514
Page No	67	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	424 cm ²
Journalist	Shahrizan Salian	AdValue	RM 14,560
Frequency	Daily	PR Value	RM 43,680



Fakta
nombor

130
DELEGASI
asing hadir sidang
CEO AESIEAP

80
WAKIL
dari Malaysia
hadiri sidang

Syarikat utiliti mesti manfaat teknologi sesuai



Azman pada Persidangan CEO Persatuan Industri Bekalan Elektrik di Asia Timur dan Pasifik Barat 2017 di Pulau Pinang, baru-baru ini.

➔ Beri pulangan terbaik kepada pelanggan

Oleh **Shahrizan Salian**
shahrizan_salian@bh.com.my

Syarikat utiliti tenaga perlu meneroka penggunaan pelbagai jenis teknologi bagi memenuhi keperluan pelanggan, kata Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Tenaga Nasional Bhd (TNB), Datuk Seri Azman Mohd.

Katanya, ia memandangkan tiada teknologi yang khusus sesuai untuk menampung semua keperluan pelanggan atau dapat menyelesaikan setiap masalah.

"Kita perlu agnostik teknologi. Kita perlu memikirkan apa yang akan memberi manfaat kepada

pelanggan," katanya ketika perbincangan panel ketua-ketua dan ketua pegawai eksekutif (CEO) pada Persidangan CEO Persatuan Industri Bekalan Elektrik di Asia Timur dan Pasifik Barat (AESIEAP) 2017 di Pulau Pinang.

Azman yang juga Presiden AESIEAP bagi penggal 2017-2018, berkata segmen berlainan pelanggan mungkin perlukan teknologi berbeza, berdasarkan lokasi dan kuasa perbelanjaan masing-masing.

Manfaat potensi pertumbuhan

"Kita (syarikat utiliti) sewajarnya mencerminkan bagaimana kita adalah relevan kepada keperluan dan jangkaan pelanggan," katanya kepada pemimpin, pakar dan perancang industri tenaga dari Asia Timur dan Pasifik Barat yang menghadiri persidangan itu.

AESIEAP diasaskan pada 1975 untuk membolehkan anggotanya membentuk kerjasama dan bertukar kepakaran serta teknologi.

Persidangan CEO AESIEAP yang diadakan di Pulau Pinang dihadiri 130 delegasi asing dari 30 negara dan 80 delegasi dari Malaysia.

Azman berkata, syarikat utiliti tenaga perlu melihat semula punca mereka ditubuhkan sebelum memilih mana-mana teknologi, bagi memberikan nilai terbaik kepada pelanggan dan pihak berkepentingan.

Katanya, sebagai syarikat pembekal tenaga elektrik negara, tanggungjawab TNB bukan sahaja 'memastikan adanya cahaya' untuk negara, malah juga memberikan pulangan yang berdaya saing kepada pihak berkepentingan.

Beliau juga menggesa anggota AESIEAP agar bekerjasama memanfaatkan potensi pertumbuhan dalam sektor tenaga Asia.

"Banyak kerjasama yang boleh kita adakan. Bukan hanya dari segi bakat dan pengetahuan, tetapi juga inovasi yang boleh kita lakukan untuk rantau ini," katanya.